

Headline **Sukarelawan turun padang bantu penagih, penghidap HIV**
Date **25 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **4,5**
Article Size **205 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,795**
PRValue **8,386**



Sukarelawan turun padang bantu penagih, penghidap HIV

KUALA LUMPUR: Kira-kira 30 sukarelawan Program Skuad Sukarelawan Rakan Muda Masyarakat menaburkan khidmat bakti sukarela dengan turun padang ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, Stesen KL Sentral, Pudu Raya dan Jalan Bukit Bintang di ibu negara, baru-baru ini.

Sukarelawan ini melalui lorong gelap dan beramah mesra dengan masyarakat di kawasan itu yang rata-rata

menjadi penagih dadah, penghidap HIV/Aids dan pelacur untuk membimbing dan mendidik mereka.

Program yang berlangsung lima hari empat malam bermula 14 Januari lalu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Aids Malaysia dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) itu bertujuan mendekati masyarakat dengan golongan terbabit dalam memastikan

mereka terus diberikan kesedaran sosial dan pendedahan

terhadap aspek pencegahan yang perlu dilakukan.

Penyertaan membabitkan golongan belia berumur 18 hingga 27 tahun yang datang dari seluruh pelusuk tanah air, juga berperanan meningkatkan kesedaran Skuad Sukarelawan Rakan Muda sebagai pemimpin muda belia dalam komuniti setempat.

Seorang peserta, Nursharina Kamaruddin, 20, berkata sebagai sukarelawan, dia diberikan banyak pendedahan dan kemahiran dalam mendekati diri kepada masyarakat terutama penagih dan pesakit HIV/Aids yang hidup di lorong gelap serta tidak dipedulikan.

"Program ini melatih saya mengasah kemahiran sebagai sukarelawan dalam membantu membimbing golongan yang disisih masyarakat. Malah, kami membantu menjelaskan kepada golongan terbabit cara menangani dan langkah pencegahan yang sepatutnya mereka praktikkan," katanya.

Seorang lagi sukarelawan,

Hazrul Hafizi Abdul Halim, 25, yang turut dianugerahkan sebagai pemimpin muda lelaki terbaik pada program itu pula berpendapat, pembabitannya untuk mendekati diri kepada masyarakat dengan membantu membimbing mereka yang memerlukan menjadikannya seorang yang lebih yakin.

"Kerja sukarela ini memerlukan kesungguhan dan keikhlasan dan apabila mereka yang dibantu itu dapat dibimbing, ia menjadi satu kepuasan sukar diceritakan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Cawangan Gaya Hidup, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan, Mohd Azhari Mohammad, ketika berucap merasmikan majlis penutup program itu

berkata, ketika ini ada kira-kira 8,000 sukarelawan Rakan Muda di seluruh negara dengan pengkhususan tertentu dilatih untuk memberikan perkhidmatan sukarela kepada golongan memerlukan.

Katanya, daripada jumlah itu, kira-kira 14,000 atau 100 sukarelawan aktif di setiap negeri sedia untuk digerakkan dalam membantu menyelesaikan pelbagai situasi luar jangka yang berlaku termasuk dalam membantu menangani permasalahan sosial yang berlaku

dalam negara.

"Bagaimanapun, sukar untuk negara melatih sukarelawan sebenar yang sanggup melakukan kerja sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan kerana keadaan semasa menyukarkan usaha itu.

"Apa yang terjadi, kebanyakan daripada mereka (sukarelawan) hanya akan bergerak jika diberikan atau disediakan sedikit bayaran sagu hati dan jika tiada apa-apa semangat sukarela mereka tidak berkekalan," katanya.